

Chevron, SP Group gabung tubuh tempat cas kenderaan elektrik di SG

CHEVRON Singapore, yang mengendalikan kedai minyak Caltex, akan bekerjasama dengan SP Group untuk menubuhkan tempat mengecap kenderaan elektrik (EV) di sini.

Langkah itu dilaksana oleh Chevron 20 bulan selepas syarikat pesaing Shell menubuhkan tempat mengecap EV-nya sendiri.

Chevron dijangka menubuhkan tempat mengecap EV pantas di empat kedai minyak Caltex, iaitu di Chong Pang, Changi, Jurong Spring dan Dunearn.

Semua tempat pengecas EV itu akan dilengkapi dengan pengecas arus terus (DC) 50 kilowatt (kW) yang boleh mengecap sebuah EV dalam masa sesingkat 30 minit.

Tempat pengecas di Changi akan dipasang dengan dua pengecas sedemikian, yang direka untuk membolehkan sebuah kenderaan yang sesuai mengecap pada kadar 100 kW, apabila hanya satu pengecas digunakan.

Tiga lagi kedai minyak lain akan dilengkapi dengan pengecas DC 50kW.

Bayaran yang akan dikenakan ialah 46.63 sen setiap kilowatt jam (kWh), berbanding 55

sen/kWh yang dikenakan oleh Shell.

Dalam satu kenyataan bersama semalam, SP dan Caltex berkata mereka akan meneliti corak penggunaan dan perbuatan pemilik EV di kedai-kedai minyak itu untuk memperhalusi dan mempertingkatkan penggunaan serta rancangannya mengadakan lebih banyak tempat mengecap EV dan juga di lokasi lain.

Alat pengecas akan dipasang pada suku kedua 2021, dan akan diterapkan dengan aplikasi (app) bimbit SP Utilities, yang akan membolehkan pemandu EV mencari tempat pengecas paling dekat dengan mereka.

Mereka juga boleh menerima maklumat terkini semasa mengecap kenderaan dan membuat bayaran secara langsung, menggunakan wadah bayaran tanpa tunai.

Tempat pengecas Shell, yang dinamakan sebagai Shell Recharge, disediakan di 18 minyak Shell di serata negara.

Ia menyediakan pilihan mengecap DC 50kW dan juga arus ulang-alik (AC) 43 kW.

Tempat mengecap tersebut ditubuhkan oleh cabang perniagaan Shell sendiri bagi EV, iaitu Greenlots.